

▼13/09/16-47MST

CNS8136

U GB 13-09 00142 BA597

aab

Mahathir - Akhbar

MAHATHIR NASIHAT AKHBAR JANGAN PERSENDA AGAMA

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed menasihati akhbar supaya jangan menyiarkan sesuatu yang mempersendakan kepercayaan mana-mana agama di negara ini.

Beliau berkata jika perkara itu dilakukan, suasana boleh menjadi tegang dan orang ramai akan bertelingkah tanpa apa-apa faedah.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai sebuah kartun yang seolah-olah menggambarkan Nabi Muhammad dalam sebuah akhbar berbahasa Cina yang disiarkan Isnin lepas.

"Perbuatan itu tidak sihat...kita tidak boleh membuat sesuatu yang menyentuh kepercayaan mana-mana agama dalam negara kita," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perhutanan Komanwel di Hotel Shangri-La di sini.

Dr Mahathir berkata perkara itu bukan sahaja tidak boleh dilakukan terhadap orang Islam tetapi juga kepada penganut agama lain. -- Lagi.

▼13/09/16-27MST

CNS8165

U GB 13-09 00107 BA603

aab

Mahathir - Akhbar 2 (akhir) Kuala Lumpur

Ketika ditanya tindakan terhadap akhbar berkenaan, Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata beliau akan melihat laporan mengenainya terlebih dahulu.

Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Nik Mat, yang turut hadir pada majlis itu, berkata pihak berkuasa hendaklah mengambil tindakan terhadap akhbar berkenaan.

Katanya, senda-mempersenda tidak menyelesaikan masalah tetapi cuma menimbulkan kemarahan dan dendam yang tidak berkesudahan.

"Jika ada sesuatu yang tidak betul, kita boleh berdepan dan berbincang lebih-lebih lagi mengenai Nabi Muhammad...ini bukan cara kita bersenda," katanya mengenai kartun itu. -- Bernama

AZZ NMO

▼13/09/16-49MST

CNS8224

R GB 13-09 00132 BA608

aab

Mahathir - Akhbar 3 Kuala Lumpur (sambungan b803)

Sementara itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob pula memberi amaran kepada semua akhbar bahawa permit mereka akan dibatalkan sekiranya menyentuh atau menghina agama Islam.

Katanya, amaran itu membabitkan semua akhbar supaya tidak lagi menyentuh sensitiviti agama, khususnya agama Islam, yang merupakan agama rasmi negara ini.

"Sekiranya mana-mana akhbar yang menyentuh atau menghina agama Islam, tindakan pembatalan permit akan diambil," katanya dalam kenyataan di sini.

Beliau berkata kementerian akan memberi amaran keras kepada penerbit akhbar berkenaan manakala pemberita yang menyiarkan kartun berkenaan akan "disenarai-hitamkan."

Di samping itu, katanya, akhbar Daily News dari Hong Kong yang menjadi punca kartun berkenaan akan disiasat dan diawasi sepenuhnya oleh kementerian.

-- Lagi.

▼13/09/17-41MST

CNS8226

R GB 13-09 00073 BA609

aab

Mahathir - Akhbar 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Bagi mengatasi perkara itu daripada berulang, Megat Junid menyarankan agar Pusat Islam membantu kementerian meneliti dan menyelidik gambaran negatif mengenai Islam yang disiarkan menerusi media massa.

Kaedah juga perlu dicari untuk menangkis perbuatan seumpama itu di samping meletakkan imej agama Islam dan Nabi Muhammad di tempat yang mulia dan agung, katanya. -- Bernama

JO NMO

▼13/09/17-41MST